

Pembahagian kawasan Parlimen ikut nisbah kaum bahaya — PM

UM - 4 AUG 1983

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Pembahagian kawasan Parlimen menurut nisbah kaum adalah prinsip yang sangat bahaya dan ia tidak akan diterima oleh negara ini, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan petang ini.

Katanya, pembahagian kawasan itu sepatutnya dibuat berdasarkan keadaan dan taburan pendudukan sesuatu kawasan itu serta kemudahan - kemudahan yang terdapat.

"Tetapi pembahagian yang dibuat berdasarkan nisbah kaum dalam hubungan ini sangatlah bahaya kerana bertentangan dengan Perlembagaan dan usaha perpaduan yang sedang kita pupuk," tambahnya ketika berucap menggulung perbahasan di Dewan Rakyat.

Penggulungan itu dibuat pada hari terakhir perbahasan ke atas Rang Undang - Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang dibentangkan untuk bacaan kali ketiga sejak Isnin lalu.

Rang undang - undang tersebut mengandungi pindaan - pindaan kepada 10 perkara besar bertujuan memperjelaskan peruntu-

kan - peruntukan dalam Perlembagaan.

Dalam perbahasan, Encik Ng Cheng Kuai (BN - Lumut) telah mencadangkan supaya pembahagian kawasan Parlimen dibuat berdasarkan nisbah kaum iaitu sesuatu kawasan itu terdiri daripada 60 peratus penduduk Melayu, 30 peratus Cina dan 10 peratus penduduk India.

Perdana Menteri yang menjawab cadangan itu menegur ahli Parlimen tersebut kerana telah mengemukakan cadangan yang bertentangan dengan semangat perpaduan dan usaha pemukiman perpaduan yang sedang dijalankan oleh kerajaan dan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa prinsip baru yang dicadangkan oleh Encik Ng itu tidak dapat diterima.

Rang undang - undang tersebut kemudian diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan sokongan 136 orang ahli Parlimen dan tentangan sembilan orang yang kesemuanya terdiri daripada ahli - ahli DAP. Cara pengundian petang ini ialah menurut bahagian tempat

duduk masing - masing.

Dalam ucapan penggulungannya, Perdana Menteri berkata, pembahagian kawasan Parlimen harus mengambil kira beberapa faktor dan ini termasuk pembangunan kawasan serta taburan penduduk.

Katanya, kawasan - kawasan terpencil harus mempunyai wakil - wakil rakyat yang lebih ramai daripada kawasan - kawasan bandar yang mudah dihubungi.

Ini adalah untuk memastikan rakyat di kawasan luar bandar akan mendapat

perhatian yang secukupnya daripada wakil rakyat mereka dan dengan ini pembangunan di kawasan seperti itu juga dapat diteliti.

Perhatian berat juga diberikan kepada penduduk - penduduk luar bandar dalam soal pembahagian kawasan Parlimen kerana mereka adalah golongan yang tidak dapat menikmati faedah pembangunan dalam zaman pemerintahan dahulu.

Perdana Menteri kemudiannya dalam ucapannya juga membidas ketua pembang-

kang Encik Lim Kit Siang (DAP - Kota Melaka) yang "sentiasa mengambil peluang perbahasan di Parlimen untuk kepentingan diri dan parti."

Katanya, setiap kali perbahasan tiba, ahli Parlimen pembangkang itu sentiasa memikirkan tentang apa faedah yang akan diperolehi partinya.

Beliau juga membidas Encik Lim kerana menaruh prasangka terhadap kerajaan yang meminda Perlembagaan Persekutuan dari semasa ke semasa.